

PARTI BERSATU SABAH

MANIFESTO

PILIHAN RAYA NEGERI KE-16 (PRN-16)

BERJUANG TANPA HENTI
DEMI SABAH TANAH AIRKU



Parti Bersatu Sabah



Parti Bersatu Sabah (PBS) berikrar untuk terus memperjuangkan hak-hak Sabah dan memperkasakan agenda pembangunan fizikal dan modal insan rakyat Sabah.

1. Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan memelihara hak Sabah dalam Persekutuan Malaysia.
2. Mempertahankan hak anak negeri Sabah dan rakyat Malaysia tulen.
3. Meningkatkan keselamatan negeri Sabah dan menangani isu pendatang tanpa izin (PATI).
4. Mengembalikan undang-undang anti lompat parti.
5. Meningkatkan taraf pendidikan, kesihatan dan kebajikan.
6. Melonjakkan pembangunan luar bandar dan mendukung pembinaan ekonomi digital.
7. Mengukuhkan perpaduan dan amalan budaya berbilang kaum.
8. Memperkasa hak wanita dan belia.
9. Menyusun semula dan memperkemas urus tadbir negeri dan membudaya ketelusan demi memerangi rasuah.
10. Memulihara alam sekitar dan sumber asli.

Parti Bersatu Sabah Berjuang Tanpa Henti
Untuk Anak Negeri Sabah dan Rakyat Malaysia Tulen



PELAKSANAAN PERJANJIAN MALAYSIA 1963 (MA63) DAN MEMELIHARA HAK SABAH DALAM PERSEKUTUAN

- 1** Komited untuk terus berjuang memelihara dan melindungi hak-hak Sabah dalam konteks Persekutuan Malaysia seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 termasuk pelaksanaan Borneonisasi, mempertahankan kuasa Imigresen dan kuasa Mahkamah Tinggi Borneo, jaminan bayaran balik geran dan kutipan wang negeri disalurkan sepenuhnya (40%) kepada negeri Sabah. Manakala pengurusan hasil minyak dan gas dikembalikan kepada kerajaan negeri sejajar dengan perjuangan asal dan tetap Parti Bersatu Sabah.
- 2** Berjuang untuk memperkasa dan menaik taraf status Mahkamah Anak Negeri selaras dengan Perlembagaan Negeri Sabah dan mempunyai bidang kuasa perundungan seperti Mahkamah Sivil dan Syariah.
- 3** Memastikan kandungan sejarah pembentukan Malaysia dimasukkan sepenuhnya ke dalam buku teks Sejarah dan menjadi sebahagian daripada sukanan pelajaran di Malaysia bagi mengelak kekeliruan, sekaligus meningkatkan semangat patriotik bersama.

Parti Bersatu Sabah Berjuang Tanpa Henti
Untuk Anak Negeri Sabah dan Rakyat Malaysia Tulen



MEMPERTAHANKAN HAK ANAK NEGERI SABAH DAN RAKYAT MALAYSIA TULEN

- 1** Memartabatkan hak dan keistimewaan anak negeri, menghormati kepelbagaian bangsa/etnik dan berusaha memastikan layanan sama rata diberi manakala hak rakyat Malaysia tulen dipelihara dan dilindungi mengikut Perlembagaan demi keharmonian bersama.

- 2** Memastikan diharamkan pencerobohan oleh individu atau syarikat di tanah adat milik Orang Asal Sabah dan penguatkuasaan undang-undang serta institusi berkaitan Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) khususnya untuk Orang Asal Sabah dilindungi serta diperketatkan; dan proses penyukatan tanah NCR melalui Program Perkhidmatan Tanah Adat Negeri Sabah (PANTAS) serta pengeluaran geran untuk rakyat tulen Sabah diteruskan.

Parti Bersatu Sabah Berjuang Tanpa Henti
Untuk Anak Negeri Sabah dan Rakyat Malaysia Tulen



MENINGKATKAN KESELAMATAN NEGERI SABAH DAN MENANGANI ISU PENDATANG TANPA IZIN (PATI)

- 1** Komited terhadap pelaksanaan cadangan pengeluaran Kad Pengenalan Sabah kepada rakyat tulen Malaysia di negeri ini dan berusaha memastikan tiada pas atau dokumen dikeluarkan kepada PATI, serta menggesa pemberhentiaan pewartaan kawasan dan pemberian rumah kepada PATI.
- 2** Terus mendesak agar semua PATI termasuk pemegang Sijil Bancian dan Kad Burung-Burung dihantar pulang ke negara asal masing-masing sejajar dengan pendirian Parti Bersatu Sabah yang tidak pernah lesu membersihkan Sabah dari kebanjiran PATI.
- 3** Bertekad memastikan kemampuan kuasa persenjataan pasukan keselamatan (ESSZONE) ditingkatkan manakala kawalan keselamatan darat, sempadan serta perairan diperhebatkan agar Sabah bebas daripada ancaman kumpulan ekstremisme agama, pemerdagangan manusia dan penculikan.
- 4** Menperjuangkan pewujudan pasukan keselamatan pengawal pantai (Coast Guards) dan pengawal sempadan (*Border Scouts*) dengan kerjasama ESSCOM dan memastikan pos kawalan dibina di semua laluan tikus serta pintu masuk ke Sabah bagi mengekang pencerobohan.
- 5** Memastikan semua usul yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Teknikal Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) dilaksanakan bagi menyelesaikan isu kebanjiran PATI di Sabah.

Parti Bersatu Sabah Berjuang Tanpa Henti
Untuk Anak Negeri Sabah dan Rakyat Malaysia Tulen



MENGEMBALIKAN UNDANG-UNDANG ANTI LOMPAT PARTI

Bertekad membawa usul Undang-Undang Anti Lompat Parti yang pernah diperkenalkan oleh Parti Bersatu Sabah pada tahun 1988 ke Persidangan Dewan Undangan Negeri, bagi memastikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang dipilih menghormati mandat yang diberi rakyat. PBS menjunjung Perlembagaan Malaysia dan tidak berhasrat melanggar mana-mana peruntukan yang termaktub di bawahnya. Tuntutan PBS ialah memastikan ADUN mengosongkan kerusi yang dimenangi sekiranya keluar daripada parti asal supaya mandat dikembalikan kepada rakyat.

Parti Bersatu Sabah Berjuang Tanpa Henti
Untuk Anak Negeri Sabah dan Rakyat Malaysia Tulen



MENINGKATKAN TARAF PENDIDIKAN, KESIHATAN DAN KEBAJIKAN

- 1** Berusaha ke arah memastikan peluang pendidikan sama rata dinikmati oleh semua lapisan masyarakat di Sabah.
- 2** Berusaha memastikan lebih banyak bantuan kemudahan sekolah disediakan, terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman. Usaha juga akan digerakkan terhadap penyaluran peruntukan khas bagi melatih tenaga pengajar dalam bahasa etnik seperti Kadazandusun, Bajau dan Murut di Sabah.
- 3** Pengiktirafan Malaysia Unified Examination Certificate (UEC) dan pelaksanaan sekolah aliran Inggeris di Sabah.
- 4** Berusaha dan memastikan Kerajaan Persekutuan menambah dan menaik taraf perkhidmatan kesihatan serta bantuan perkhidmatan pakar di setiap hospital daerah.

Parti Bersatu Sabah Berjuang Tanpa Henti
Untuk Anak Negeri Sabah dan Rakyat Malaysia Tulen



MELONJAKKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN MENDUKUNG PEMBINAAN EKONOMI DIGITAL

- 1** Berjuang memastikan pembangunan rangkaian jalan luar bandar, bekalan air bersih dan elektrik, bantuan perumahan rakyat miskin, kemajuan bidang pertanian dan bidang ekonomi lain diperluaskan dan dinaik taraf. Usaha juga akan diambil ke arah memperhebatkan program pembangunan luar bandar berdasarkan komuniti, koperasi dan pelancongan luar bandar.
- 2** Berusaha ke arah pembentukan Pakej Pembangunan Ekonomi dan Pemasaran Digital secara bersepadu. Langkah proaktif akan diambil bagi mengenal pasti dan menggalakkan pembangunan industri luar bandar yang mampan melalui perdagangan elektronik (e-commerce), di samping memastikan kualiti dan liputan telekomunikasi serta jalur lebar di seluruh Sabah diperluaskan.
- 3** Komited memastikan tindakan susulan terhadap mekanisme pelaksanaan kawalan harga makanan dan keperluan asas, sejajar usaha mengurangkan kos sara hidup dan memastikan kempen "Satu Negara, Satu Harga" direalisasikan.

Parti Bersatu Sabah Berjuang Tanpa Henti
Untuk Anak Negeri Sabah dan Rakyat Malaysia Tulen



MENGUKUHKAN PERPADUAN DAN AMALAN BUDAYA BERBILANG KAUM

- 1** Memastikan perjuangan politik PBS berbilang kaum dipupuk dalam setiap lapisan masyarakat dan mendapat peluang sama rata dari segi ekonomi, pendidikan dan pekerjaan.
- 2** Mewujudkan Dewan Bahasa Etnik Sabah untuk mempromosi kepelbagaian tradisi suku kaum di Sabah, dan berusaha ke arah pengwujudan Perkampungan Kebudayaan Pelbagai Etnik (Unified Ethnics Cultural Village) untuk mempromosi kepelbagaian suku kaum di Sabah.

Parti Bersatu Sabah Berjuang Tanpa Henti
Untuk Anak Negeri Sabah dan Rakyat Malaysia Tulen



MEMPERKASA HAK WANITA DAN BELIA

- 1** Mewujudkan Pusat Usahawan Wanita untuk memberi latihan keusahawanan dan mendapat geran perniagaan bagi meningkatkan pendapatan golongan wanita dan ibu tunggal.
- 2** Berusaha ke arah memastikan lebih ramai belia menerima geran agropreneur muda sejajar usaha membangunkan industri pertanian moden dengan bantuan agensi pertanian kerajaan negeri Sabah; menyediakan kursus kemahiran berfokus percuma kepada belia di bandar dan luar bandar; dan komited memastikan pembangunan perumahan mampu milik untuk belia di setiap kawasan.
- 3** Menggalakkan pelbagai program pendidikan kewangan dan pelaburan bagi melahirkan golongan belia dan wanita yang celik kewangan dan berpengetahuan luas dalam aspek pengurusan kewangan peribadi serta pelaburan dalam pelbagai aset.

Parti Bersatu Sabah Berjuang Tanpa Henti
Untuk Anak Negeri Sabah dan Rakyat Malaysia Tulen



MENYUSUN SEMULA DAN MEMPERKEMAS URUS TADBIR NEGERI DAN MEMBUDAYA KETELUSAN DEMI MEMERANGI RASUAH

- 1** Mengembalikan undang-undang mengehadkan tempoh perkhidmatan Yang DiPertuan Negeri Sabah kepada dua (2) penggal.
- 2** Mewujudkan Unit Khas di Jabatan Ketua Menteri bagi meneliti pengeluaran pas kerja kepada warga asing untuk memastikan keutamaan diberi kepada rakyat Sabah bagi mengisi kekosongan jawatan dalam sektor awam dan swasta.
- 3** Memastikan sektor perkhidmatan awam di peringkat Persekutuan dan negeri tidak dimonopoli oleh kaum tertentu sahaja, sebaliknya merangkumi semua suku kaum di Malaysia, selari dengan perjuangan Borneosisasi seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963, di samping berusaha ke arah penstrukturkan semula pentadbiran kerajaan Sabah agar lebih telus dan bersifat digital.

Parti Bersatu Sabah Berjuang Tanpa Henti
Untuk Anak Negeri Sabah dan Rakyat Malaysia Tulen



MEMULIHARA ALAM SEKITAR DAN SUMBER ASLI

- 1** Berusaha ke arah memastikan pembangunan ekosistem ekonomi hijau dilaksanakan secara berperingkat meliputi pembangunan tenaga solar, tenaga angin dan kitar semula.
- 2** Komited mengekang aktiviti pembalakan haran dan pengeboman ikan dan bertekad memelihara semua spesies hidupan laut termasuk terumbu karang, di samping tegas menghalang aktiviti penarahan bukit, ancaman ke atas pembangunan hutan secara berkekalan (sustainable) dan pemburuan haram.

**Parti Bersatu Sabah Berjuang Tanpa Henti
Untuk Anak Negeri Sabah dan Rakyat Malaysia Tulen**

UNDILAH CALON PARTI BERSATU SABAH (PBS)

BAHAGIAN PILIHANRAYA	NAMA CALON	NO KERTAS UNDI
N.2 Bengkoka	Dr Samuil Mopun	2
N.5 Matunggong	Julita Majungki	6
N.7 Tandek	Hendrus Anding	1
N.11 Kadamaian	Demis Rumanti	5
N.14 Tamparuli	Jahid Jahim	2
N.15 Kiulu	Joniston Bangkuai	5
N.18 Inanam	William Majimbon	5
N.20 Ali-API	Dr. Yee Moh Chai	6
N.22 Tanjung Aru	Ir Edward Yong Oui Fah	1
N.25 Kapayan	Dr Edwin @ Jack Bosi	5
N.26 Moyog	John C Masabal	7

BAHAGIAN PILIHANRAYA	NAMA CALON	NO KERTAS UNDI
N.27 Limbahau	Datuk Johnny Misitun	8
N.34 Lumadan	Ruslan Muhamar	6
N.38 Paginatan	Arthur Sen	6
N.36 Kundasang	Dr Joachim Gunsalam	3
N.39 Tambunan	Silverius Burno	1
N.40 Bingkor	Peter Jino Allion	4
N.41 Liawan	Daniel Kinsik	3
N.42 Melalap	Radin Malleh	2
N.44 Tulid	Suman Yasambun	7
N.47 Telupid	Johnnybone Kurum	3
N.54 Karamunting	Kong Nyuk Thou	5

**Parti Bersatu Sabah Berjuang Tanpa Henti
Untuk Anak Negeri Sabah dan Rakyat Malaysia Tulen**

CALON-CALON PBS



DR SAMUIL MOPUN



JULITA MAJUNGKI



HENDRUS ANDING



DEMIS RUMANTI



JAHID JAHIM



JONISTON BANGKUAI



WILLIAM MAJIMBUN



DR YEE MOH CHAI



**IR EDWARD
YONG OUI FAH**



DR EDWIN BOSI



JOHN C MASABAL



JOHNNY MOSITUN

CALON - CALON PBS



RUSLAN MUHARAM



ARTHUR SEN



DR JOACHIM GUSALAM



SILVERIUS BRUNO



RADIN MALLEH



SUMAN YASAMBUN



JOHNNYBONE KURUM



KONG NYUK THAU



PETER JINO ALLION



DANIEL KINSIK



10 Teras Perjuangan



Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan memelihara hak Sabah dalam Persekutuan Malaysia



Mempertahankan hak anak negeri Sabah dan rakyat Malaysia tulen



Meningkatkan keselamatan negeri Sabah dan menangani isu pendatang tanpa izin (PATI)



Mengembalikan undang-undang anti lompat parti



Meningkatkan taraf pendidikan, kesihatan dan kebajikan



Melonjakkan pembangunan luar bandar dan mendukung pembinaan ekonomi digital



Mengukuhkan perpaduan dan amalan budaya berbilang kaum



Memperkasa hak wanita dan belia



Menyusun semula dan memperkemas urus tadbir negeri dan membudaya ketelusan demi memerangi rasuah



Memulihara alam sekitar dan sumber asli